



**TRANSKRIP UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERJUMPAAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM
BAGI BULAN DISEMBER 2019**

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

MASA : 8.30 PAGI

**TEMPAT : DATARAN PERDANA
BANGUNAN PERDANA PUTRA
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri, Yang Berbahagia Ketua-Ketua Jabatan dan seterusnya anggota pentadbiran awam di dalam Jabatan Perdana Menteri.

Sepertimana mungkin semua yang mengetahui bahawa saya baru pulang dari Korea. Di Korea, saya telah melihat bagaimana negara itu semakin berjaya. Dahulu, negara ini adalah di belakang Malaysia dari segi sektor pembangunan. Tetapi, mereka belajar daripada Malaysia sehingga telah menjadi negara yang maju. Ukuran negara maju adalah pendapatan per kapita mereka dengan negara Malaysia. Sementara di Malaysia, kita mempunyai 10 ribu Dollar Amerika, tetapi pendapatan di Korea Selatan mereka telah mencapai pendapatan sebanyak per kapita 36 ribu Dollar Amerika. Ini menunjukkan betapa jauhnya mereka ke hadapan.

Selepas perang dunia kedua, kita mendapati bahawa negara-negara yang maju hanya terdapat di Eropah dan Amerika. Sebaliknya, tiada yang maju dari negara-negara di Asia. Tetapi, selepas perang dunia

kedua, walaupun Jepun mengalami kekalahan, kita melihat bagaimana Jepun dapat mengejar dan mendahului negara-negara Eropah dari segi pembangunan dan kepakaran. Sekarang ini, terdapat dua lagi negara di Asia yang mencapai pembangunan ke taraf negara maju iaitu Korea Selatan dan China.

Mengapakah Malaysia ini tidak dapat mencapai kemajuan yang sama seperti negara-negara tersebut? Antara puncanya adalah kita ini mempunyai masyarakat yang berbilang kaum tetapi pencapaian antara kaum ini tidak sama. Ada yang maju ke hadapan dan ada yang ketinggalan ke belakang. Keadaan sebegini adalah tidak sihat bagi sesebuah negara. Jika wujud kaum-kaum yang disebabkan oleh kemajuan dan seterusnya mencerminkan pula pencapaian mereka, maka negara kita tidak akan selamat yang menjadi penyebab kepada berlakunya jurang antara miskin dan kaya.

Contohnya seperti yang berlaku di negara Eropah apabila terdapat jarak perpisahan kekayaan atau pendapatan antara miskin dan kaya yang begitu ketara sehingga berlaku revolusi. Kita bernasib baik kerana Malaysia tidak berlaku revolusi walaupun terdapat percubaan untuk menjatuhkan Kerajaan pilihan rakyat. Secara demokrasi kita boleh menukar Kerajaan tetapi tidak berlaku keadaan yang tidak diinginkan.

Kita bersyukur kerana keamanan negara kita tetapi masalah perpisahan antara miskin dan kaya ini masih wujud dan ditambah pula dengan perpisahan antara kaum. Keadaan ini amat tidak sihat dan mungkin akan mencetuskan keadaan huru-hara dalam negara kita. Jika ini berlaku, Malaysia ini akan menjadi mundur. Sebab itu, di dalam Wawasan Kemakmuran Bersama ini kita telah menentukan bahawa semua pihak akan menikmati kekayaan negara kita ini dan ianya (Wawasan Kemakmuran Bersama) menjadi satu dasar yang amat penting kerana tujuannya adalah untuk mengurangkan jarak perpisahan antara yang kaya dan miskin.

Yang menjadi lebih utama adalah yang miskin perlu menyambut cadangan dan cara Kerajaan untuk membantu pihak yang miskin tanpa hanya sentiasa bergantung kepada bantuan Kerajaan melalui pemberian wang. Ini tidak akan menjadikan mereka lebih kaya. Cara untuk mengatasi kemiskinan ini adalah dengan menerima cadangan-cadangan Kerajaan untuk berusaha supaya kemiskinan ini dapat diatasi dengan merebut peluang-peluang pendapatan yang ada.

Pihak Kerajaan akan mengenalpasti peluang-peluang pekerjaan yang boleh diusahakan sendiri oleh golongan yang miskin bagi menampung kehidupan mereka dengan sedikit bantuan dan kemudahan pinjaman

modal kewangan serta latihan daripada Kerajaan. Contohnya, kita lihat sekarang ini, terdapat golongan yang miskin sebelum ini telah berjaya dan mengecapi kekayaan. Sebab itu dasar baru ini iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama dibentuk.

Oleh itu, saya merayu daripada pegawai Kerajaan untuk memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada golongan miskin bagi mengatasi kemiskinan agar negara kita dapat membangun dengan pesat serta mungkin dapat disenaraikan di dalam negara-negara yang maju seperti Negara Jepun, Korea Selatan dan China.

Tiada kejayaan yang datang bergolek. Sebaliknya, ia memerlukan usaha daripada kita. Oleh itu, kita perlu menerima cadangan dan mengatasi masalah yang wujud khususnya berkenaan dengan kemiskinan. Jangan terlalu bergantung kepada Kerajaan sebaliknya menambah pendapatan dengan usaha sendiri.

Saya berharap agar kita semua dapat mengambil perhatian terhadap masalah kemiskinan di negara kita ini yang menjadi batu penghalang kepada kemajuan negara untuk menjadikan negara Malaysia ini sebagai sebuah negara yang maju.

Sekian, terima kasih.